

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	CAP GESA JAS AMBIL TINDAKAN PENCEMARAN SUNGAI MARONG
	SUMBER	BH (7 APRIL2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	21 (NASIONAL)

BH Selasa, 7 April 2026

Nasional

21

# CAP gesa JAS ambil tindakan pencemaran Sungai Marong

Persatuan bimbang bertukar masalah boleh jejakkan sumber pendapatan nelayan dan kesihatan awam

Oleh Zuhainy Zulkiffli  
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengesahkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan mengambil tindakan tegas ke atas pihak yang melakukan pencemaran menyebabkan air Sungai Marong berhampiran Kampung Lakai dekat Jelebu, menjadi hitam dan berbau.

Isi susulan laporan *Berita Harian* pada Jumaat lalu mengenai penemuan bangkai pelbagai spesies ikan diperenyai akibat pencemaran sungai itu.

Presiden CAP, Mohideen Ab-



Keratan akhbar BH, Jumaat lalu.

dul Kader berkata, siasatan secara menyeluruh perlu dijalankan bagi mengenal pasti pihak yang melakukan pencemaran berkenaan.

Katanya, tindakan tegas perlu diambil dengan mengenakan hu-

“CAP berharap kejadian ini tidak berulang kerana ia memberi kesan amat buruk ke atas alam sekitar dan kehidupan masyarakat

Mohideen Abdul Kader,  
Presiden CAP

kuman berat mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas pihak terbabit.

“Hasil kajian ke atas bangkai ikan dan kualiti air sungai yang diuji perlu didedahkan JAS dan Jabatan Perikanan negeri kepada umum dengan secepat mungkin termasuk tindakan yang diambil bagi mengatasi.

“CAP bimbang jika masalah ini berlarutan, ia bukan saja menjejaskan sumber pendapatan nelayan tempatan yang bergantung hidup kepada hasil tangkapan tetapi juga kesihatan orang ramai berikutan mungkin termakan ikan dikhuatiri mengandungi racun dari sungai



Sungai Marong didakwa tercemar sehingga mengakibatkan ikan mati.

(Foto Ainor Hamizam Abd Manap/BH)

itu,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

## Pampasan setimpal

Mohideen berkata, CAP bersimpati terhadap nelayan yang terjejas sumber pendapatan akibat kejadian ini.

“Mereka perlu diberi pampasan setimpal dengan kemerosotan hasil tangkapan yang dialami.

“CAP berharap kejadian ini tidak berulang kerana ia memberi kesan amat buruk

ke atas alam sekitar dan kehidupan masyarakat,” katanya.

Minggu lalu, Ketua Daerah Perikanan Jelebu, Mohd Azhar Jusoh, berkata, pihaknya ke lokasi selepas maklumat diterima dan didapati air sungai itu berwarna kehitaman dan berbau.

Katanya, oksigen terlarut (DO) yang rendah dalam air sungai itu menyebabkan ikan lemas atau mati dan laporan mengenai kejadian itu juga dibuat di Balai Polis Kuala Klawang.

2.	TAJUK	PEMBAKARAN TERBUKA DISYAKI PUNCA IPU TIDAK SIHAT DI NEGERI SEMBILAN
	SUMBER	BH (7 APRIL 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	21 (NASIONAL)

## Pembakaran terbuka disyaki punca IPU tidak sihat di Negeri Sembilan

**Seremban:** Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di beberapa kawasan di Negeri Sembilan mencatatkan tahap tidak sihat kelmarin, dipercayai berpunca daripada aktiviti pembakaran terbuka di negeri jiran.

EXCO Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan sudah menjalankan semakan dengan jabatan sama di negeri berkenaan.

“Saya memandang serius peningkatan bacaan IPU di beberapa kawasan di Negeri Sembilan seperti yang dilaporkan JAS Negeri Sembilan.

“Berdasarkan laporan, bacaan IPU pada jam 7 pagi semalam (kelmarin) menunjukkan paras 119 di stesen Nilai dan Seremban iaitu tidak sihat, manakala di stesen Port Dickson berada pada tahap sederhana dengan bacaan 80,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Beliau berkata, keadaan itu menunjukkan kemerosotan kualiti udara yang perlu diberi perha-

tian serius oleh semua pihak.

“Hasil semakan JAS Negeri Sembilan mendapati tiada pembakaran terbuka berskala besar dikesan dalam negeri ini setakat ini.

“Bagaimanapun, satu titik panas dikenal pasti di Mukim Batu, Kuala Langat, Selangor, kira-kira 40 kilometer dari stesen IPU Nilai dan berkemungkinan menyumbang kepada peningkatan bacaan IPU di negeri ini,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menyokong tindakan proaktif JAS Negeri Sembilan yang sedang menjalankan semakan lanjut bersama JAS Negeri Selangor bagi mengenal pasti punca sebenar serta mengambil tindakan segera.

Dalam pada itu, orang ramai dinasihatkan supaya mengurangkan aktiviti luar, memakai pelitup muka ketika berada di luar serta memastikan golongan berisiko seperti kanak-kanak, warga emas dan pesakit pernafasan diberi perlindungan sewajarnya.

3.	TAJUK	SUNGAI MARONG : CAP GESA JAS NEGERI SEMBILAN AMBIL TINDAKAN
	SUMBER	HM (7 APRIL 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (LOKAL)

## ***Sungai Marong: CAP gesa JAS Negeri Sembilan ambil tindakan***

**Georgetown:** Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JASNS) mengambil tindakan tegas ke atas pihak yang melakukan pencemaran menyebabkan air Sungai Marong berhampiran Kampung Lakai dekat Jelevu, menjadi hitam dan berbuih.

Isa susulan laporan Berita Harian pada Jumaat la-

lu berkenaan penemuan bangkai pelbagai spesies ikan dipercayai akibat pencemaran sungai terbabit.

Presiden CAP Mohideen Abdul Kader berkata, siasatan secara menyeluruh perlu dijalankan bagi mengenal pasti pihak yang melakukan pencemaran berkenaan.

Katanya, tindakan tegas perlu diambil dengan me-

ngenakan hukuman berat mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas pihak terbabit.

"Hasil kajian ke atas bangkai ikan dan kualiti air sungai yang diuji perlu didedahkan JAS dan Jabatan Perikanan negeri kepada umum dengan secepat mungkin termasuk tindakan yang diambil bagi mengatasi.

"CAP bimbang jika ma-

salah ini berlarutan, ia bukan sahaja menjejaskan sumber pendapatan nelayan tempatan yang bergantung hidup kepada hasil tangkapan tetapi juga kesihatan orang ramai berikutan mungkin termakan ikan dikhuatiri mengandungi racun dari sungai itu," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Menurut Mohideen, CAP bersimpati terhadap nela-

yan yang terjejas sumber pendapatan akibat kejadian ini.

"Mereka perlu diberi pampasan setimpal dengan kemerosotan hasil tangkapan yang dialami.

"CAP berharap kejadian ini tidak berulang kerana ia memberi kesan amat buruk ke atas alam sekitar dan kehidupan masyarakat," katanya lagi.

Terdahulu dalam laporan

itu, Ketua Daerah Perikanan Jelevu, Mohd Azhar Jusoh, berkata, pihaknya ke lokasi selepas maklumat diterima dan didapati air sungai itu berwarna kehijauan dan berbuih.

Katanya, oksigen terlarut (DO) yang rendah dalam air sungai itu menyebabkan ikan lemas atau mati dan laporan mengenai kejadian itu juga dibuat di Balai Polis Kuala Klawang.

4.	TAJUK	OP HAZARD 3.0 : RAMPASAN E-WASTE 62.7J
	SUMBER	HM (8 APRIL 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (LOKAL)



PSP Bukit Aman bongkar kegiatan pemprosesan dan penyimpanan e-waste secara haram membabitkan nilai rampasan lebih RM62.7 juta dalam satu serbuan di Klang, kelmarin.

Oleh Hafidzul Hilmi  
Mohd Noor  
hafidzul@hmetro.com.my

### OP HAZARD 3.0

Klang

# Rampasan e-waste RM62.7j

Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Bukit Aman berjaya membongkar kegiatan pemprosesan dan penyimpanan sisa elektrik dan elektronik (*e-waste*) secara haram, membabitkan nilai rampasan lebih RM62.7 juta dalam satu serbuan di sini, kelmarin.

Komander PSP, Senior Asisten Komisioner Rosli Md Yusof berkata, seramai 17 lelaki termasuk seorang warga tempatan yang bekerja di premis berkenaan ditahan menerusi Op Hazard 3.0.

Beliau berkata, serbuan bersepadu itu turut disertai oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) ser-

ta Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

"Siasatan awal mendapati kebanyakan bahan *e-waste* itu dibawa masuk menggunakan kontena. Sindiket ini dipercayai membabitkan pengisytiharan barangan secara tidak tepat bagi mengelakkan pengesanan dan mengaburi mata pihak berkuasa.

"Kontena yang ditemui di lokasi dipercayai digunakan sebagai medium penyimpanan serta transit bahan buangan elektronik yang diimport, sebelum ia dipindahkan ke dalam gudang untuk tujuan pengasingan dan pemprosesan

bagi mendapatkan logam bernilai tinggi seperti tembaga dan aluminium," katanya.

Menurut Rosli, siasatan turut mendapati premis berkenaan dipercayai menjalankan kegiatan haram berkenaan sejak dua tahun lalu.

Semua suspek ditahan diserahkan kepada Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Utara untuk tindakan dan siasatan lanjut.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan nilai rampasan berskala besar itu membuktikan kewujudan sindiket yang beroperasi

secara agresif untuk mengaut keuntungan.

"Sindiket ini beroperasi demi keuntungan semata-mata tanpa menghiraukan kesan buruk terhadap alam sekitar dan tahap keselamatan masyarakat setempat.

"Op Hazard 3.0 yang dilaksanakan ini bukan sekadar satu tindakan penguatkuasaan biasa, tetapi satu mesej jelas dan tegas daripada PSP bahawa kita tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk aktiviti jenayah, khususnya melibatkan pengurusan *e-waste* secara haram," katanya.

5.	TAJUK	OPERASI HAZARD 3.0 : RAMPAS E-WASTE RM8J
	SUMBER	HARIAN METRO (9 APRIL 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (LOKAL)



KAKITANGAN IAS melakukan pemeriksaan di sebuah premis menyimpan barang lusuh serta e-waste di Sandakan.

## OPERASI OP HAZARD 3.0

# Rampas *e-waste* RM8j

Oleh Juwan Riduan  
am@hmetro.com.my

### Kota Kinabalu

**T**idak hanya di Semenanjung, malah Sabah turut menjadi 'lubuk' sindiket pelupusan dan pemrosesan sisa elektronik (*e-waste*).

Kegiatan haram itu terbongkar susulan penahanan 35 individu melalui operasi Op Hazard 3.0 yang dilaksanakan secara bersepadu di seluruh negeri, sejak kelmarin.

Operasi berskala besar itu membabitkan serbuan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sabah dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM) serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

Serbuan dijalankan serentak di lapan daerah iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Beluran, Keningau, Sook dan Semporna disertai 207 pegawai serta anggota pelbagai agensi.

Komander Briged Sabah PGA, Datuk Nor Omar Sappi berkata, semua suspek ditahan berusia antara 21 hingga 69 tahun terdiri daripada 27 lelaki tempatan, enam wanita tempatan dan dua lelaki warga asing.

Katanya, semakan mendapati semua tangkapan tidak mempunyai rekod jenayah lampau.

"Pelbagai barangan dan peralatan berkaitan aktiviti *e-waste* turut dirampas dengan anggaran nilai kese-

luruhan mencecah RM8,047,547.

"Antara dirampas adalah jentera dan mesin bernilai RM5.98 juta, bateri terpakai serta pepejal mampat RM1.94 juta dan cecair atau bahan kimia RM113,345," katanya, semalam.

Beliau berkata, operasi itu dilaksanakan bagi membanteras serta mengawal aktiviti pengendalian sisa elektronik secara haram yang boleh menjejaskan alam sekitar dan keselamatan awam.

"Selain itu, tindakan turut diambil terhadap individu atau syarikat yang tidak mempunyai lesen atau permit sah bagi menguruskan sisa terjadual.

"Kes disiasat mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan

Terjadual) 2005, termasuk Peraturan 9(4), Peraturan 10 dan Peraturan 11(1) yang memperuntukkan denda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata, semua tangkapan dan rampasan diserahkan kepada agensi berkaitan untuk siasatan lanjut.

Dalam pada itu, beliau berkata orang ramai dinasihatkan supaya tidak membuang sisa elektronik di tempat pembuangan sampah biasa.

"Sebaliknya, sisa berkenaan perlu dihantar ke pusat pengumpulan atau kitar semula yang sah bagi mengelakkan pencemaran serta risiko kesihatan," katanya.

6.	TAJUK	RAMPASAN E-WASTE LEBIH RM180 JUTA DI TIGA NEGERI
	SUMBER	BH (10 APRIL 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (NASIONAL)

# Rampasan e-waste lebih RM180 juta di tiga negeri

Ops Hazard 3.0 serbu 14 lokasi tahan 56 warga asing

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seramai 56 warga asing ditahan, manakala 1.42 juta kilogram (kg) sisa elektronik (e-waste) bernilai lebih RM180 juta berjaya dirampas dalam Ops Hazard 3.0 yang dijalankan serentak di 14 lokasi sekitar Selangor, Negeri Sembilan dan Johor, Isnin lalu.

Komander Briged Tengah Pasukan Gerakan Am (PGA), Senior Asisten Komisioner Hakemal Hawari, berkata serbuan itu dilakukan di 14 lokasi sekitar Selangor, Negeri Sembilan (dua) dan Johor (dua).

"Hasil serbuan, pasukan berjaya menahan 56 individu dan rampas pelbagai jenis barangan dengan nilai RM187 juta.

"Rampasan itu membabitkan e-waste seberat 1.42 juta kilogram bernilai RM180.92 juta; produk plastik 11,000kg (RM1.37 juta); barang lusuh 2,600kg (RM300,000) serta lain-lain barangan sebanyak 134 unit (RM4.6 juta)," katanya pada sidang media di Markas Briged Tengah PGA, di sini, semalam.

Hakemal berkata, tangkapan pula membabitkan 48 lelaki dan



Hakemal (kanan) menunjukkan maklumat ringkas mengenai Ops Hazard 3.0 pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

lapan wanita dari China, Myanmar serta Bangladesh berusia 30 adalah pekerja dengan sebahagian mereka tidak mempunyai dokumen," katanya.

#### Pemilik premis dicari

Setakat ini, Hakemal berkata, pihaknya mengesyaki ada pihak tempatan dan luar negara terlibat, selain siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti pemilik premis berkenaan.

"Kita masih mengesan pihak terbabit dan siasatan juga dijalankan bagi mengenal pasti destinasi penghantaran bahan e-waste berkenaan," katanya.

Beliau berkata, siasatan dijalankan mengikut Akta Kualiti 1 Januari lalu hingga semalam, sebanyak 140 serbuan dijalankan di kawasan Briged Tengah meliputi Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

"Seramai 394 individu berjaya ditahan, selain rampasan dengan keseluruhan nilai RM216 juta," katanya.

Sementara itu Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Datuk Wandu Yazid Yaakob, berkata kesalahan utama dikesan melalui operasi itu ialah pemrosesan e-waste tanpa lesen serta

pembukaan premis tanpa kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar. Ketua Pengarah Alam Sekitar untuk diproses atau dikendalikan.

"Pemrosesan e-waste tanpa kelulusan adalah satu kesalahan bawah Peraturan-Peraturan Buangan Terjadual 2005.

"Tindakan undang-undang akan diambil tanpa kompromi terhadap mana-mana premis yang menjalankan aktiviti itu secara haram," katanya sambil memaklumkan sebanyak 27 premis dikesan beroperasi tanpa kelulusan melalui operasi Ops Hazard 3.0.

7.	TAJUK	SISA E-WASTE LEBIH RM187 J DIRAMPAS
	SUMBER	HM (10 APRIL 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (LOKAL)



HAKEMAL (kanan) menunjukkan jumlah keseluruhan nilai rampasan ketika sidang media kejayaan Op Hazard 3.0.

### OP HAZARD 3.0

# Sisa e-waste lebih RM187j dirampas

Oleh Mohd Haris Fadli  
Mohd Fadzil  
[harisfadli@hmetro.com.my](mailto:harisfadli@hmetro.com.my)

Cheras

Kira-kira 1.42 juta kilogram (kg) sisa elektronik (*e-waste*) bernilai lebih RM187 juta dirampas menerusi Op Hazard 3.0 yang dijalankan serentak di beberapa negeri bagi membanteras aktiviti pemprosesan sampah haram itu secara besar-besaran, Isnin lalu.

Komander Briged Tengah Pasukan Gerakan Am (PGA), Senior Asisten Komisioner Hakemal Hawari berkata, serbuan membatiskan 28 kilang di 14 lokasi sekitar Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.

"Operasi ini turut merampas 2,000kg barangan

lusuh bernilai RM300,000; 11,000 kg produk akhir bernilai RM1.37 juta dan peralatan lain bernilai RM4.6 juta.

"Pihak berkuasa tempatan turut mengeluarkan 10 kompaun keseluruhan bernilai RM10,000 manakala Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengeluarkan 11 kompaun bernilai RM22,000," katanya pada sidang media di Markas Briged Tengah PGA Cheras, di sini, semalam.

Menurutnya, seramai 115 individu diperiksa sepanjang operasi itu dan 56 ditahan kesemuanya warga asing membatiskan 20 warga Bangladesh, Myanmar (31), serta China (5)

berusia lingkungan 30 hingga 50.

Katanya, pihaknya sedang mengesan pemilik premis terbabit bagi membantu siasatan manakala individu ditahan berperanan sebagai pekerja di kilang terbabit rata-rata membatiskan kesalahan imigresen.

Siasatan dijalankan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Undang-undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian 2021, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Katanya, kilang terbabit

beroperasi antara dua hingga tiga tahun.

Menurutnya, walaupun ada di antaranya yang mempunyai lesen operasi namun kebanyakannya beroperasi secara haram.

"Kami percaya semua sisa *e-waste* ini dibawa masuk dari luar negara sebelum diproses di kilang terbabit.

"Setakat ini, pemilik premis dipercayai terdiri daripada warga tempatan dan warga asing, namun tiada pemilik yang ditahan dalam operasi ini," katanya.

Terdahulu Harian Metro melaporkan Pasukan Petugas Khas Agensi-Agensi Penguatkuasaan Malaysia (MATF) diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menjalankan operasi besar-besaran bagi membanteras isu *e-waste*.

**“Seramai 115 individu diperiksa sepanjang operasi itu dan 56 ditahan Hakemal”**

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**